Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies
50(2)(2023): 122-136
https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.03

Pengkomersialan Tanaman Kelapa di Selangor Sebelum Tahun 1940

The Commercialisation of Coconut Cultivation in Selangor Before 1940

MOHAMAD KHAIRUL ANUAR MOHD ROSLI
Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
Corresponding author: khairulanuarrosli@usm.my

Received: 28 April 2023 Accepted: 22 June 2023

Abstrak

Tempoh separuh pertama abad ke-20 menyaksikan kemunculan dan perkembangan tanaman kelapa di Selangor sebagai sektor pertanian berorientasikan eksport. Selangor merupakan antara negeri yang begitu produktif dengan hasil kelapa dan menjadi penyumbang kepada kuantiti eksport kelapa di Tanah Melayu. Menjelang penghujung abad ke-19, hasil kelapa semakin mendapat permintaan yang menggalakkan di pasaran antarabangsa apabila negara-negara Eropah mula beralih kepada penggunaan kelapa sebagai bahan mentah untuk industri pembuatan dan makanan. Melihat kepada potensi tanaman kelapa sebagai komoditi eksport yang mempunyai nilai ekonomi menyebabkan usaha untuk mengkomersialkan penanamannya mula diberi perhatian khusus oleh pihak British. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji strategi pengkomersialan tanaman kelapa di Selangor dan menganalisis implikasinya kepada perkembangan sektor penanaman kelapa sebelum tahun 1940. Bagi menjelaskan persoalan tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian perpustakaan dengan merujuk kepada Fail Setiausaha Kerajaan Selangor, Laporan Tahunan Negeri Selangor dan rekod-rekod Jabatan Pertanian. Hasil perbincangan menunjukkan strategi khusus melibatkan aspek tadbir urus, perundangan dan hak pemilikan tanah yang dilaksanakan untuk mengkomersialkan tanaman kelapa telah mengubah corak perkembangan sektor penanaman kelapa daripada tanaman makanan kepada sektor pertanian komersial yang menghasilkan komoditi eksport. Pengeluaran tanaman kelapa secara besar-besaran telah membawa kepada kemunculan industri berasaskan kelapa yang menghasilkan produk seperti minyak kelapa dan kelapa kering untuk dieksport sebagai bahan mentah bagi memenuhi permintaan di pasaran antarabangsa.

Kata kunci: Jabatan Kelapa; Enakmen Pertanian; Tanah Kelapa; Industri Kelapa; Produk Kelapa

Abstract

The first half of the 20th century witnessed the rise and development of coconut cultivation in Selangor as an export-oriented agricultural sector. Selangor was among the most productive states in coconut produce and contributed to the quantity of coconut exports in Malaya. By the end of the 19th century, coconut product saw an encouraging increase in demands in the international market as European countries began to turn to coconut as raw material for manufacture and food. Noting the potential of coconut as an export commodity with economic value, the British paid particular attention to efforts to commercialise its cultivation. Therefore, this study aims to study the strategies of coconut commercialisation in Selangor, and to analyse its implications on the development of the coconut cultivation sector before 1940. To explain this question, this study uses the qualitative and library research methods by referring to the Selangor Secretariat Files, the Selangor Annual Reports, and the

eISSN: 2180-0251

records from the Agriculture Department. The research findings show the special strategies involving aspects of governance, legislation, and land ownership implemented to commercialise coconut cultivation has transformed the pattern of development of the coconut cultivation sector, from a food crop to an export commodity-producing commercial crop. The large-scale coconut production led to the emergence of coconut-based industries with products such as coconut oil and dried coconut (copra) to be exported as raw material to meet the demands in the international market.

Keywords: Department of Coconut; Agriculture Enactment; Coconut Land; Coconut Industry; Coconut Product

Pengenalan

Kelapa merupakan antara tanaman yang diusahakan secara aktif oleh penduduk tempatan di Selangor sebelum kedatangan British lagi. Sebagai tanaman yang mudah untuk ditanam dan mempunyai pelbagai kegunaan, penduduk tempatan menanam kelapa sama ada di kebun bersama-sama dengan tanaman lain, di tepi sawah padi atau di sekitar perkarangan rumah.[1] Kebiasaannya, hasil tanaman digunakan sebagai sumber makanan harian selain dijual di pasaran tempatan untuk menambah sumber pendapatan penduduk.[2] Walaupun berlaku pengaliran modal asing dalam sektor pertanian setelah penguasaan British, didapati kegiatan penanaman kelapa pada peringkat awal masih tidak menunjukkan perubahan. Pemodal asing lebih berminat melaburkan modal dalam sektor penanaman kopi dan koko yang mempunyai nilai ekonomi berikutan permintaannya yang menggalakkan di pasaran antarabangsa. Pemodal asing belum menunjukkan minat untuk terlibat dalam kegiatan penanaman kelapa kerana hasilnya yang hanya digunakan sebagai sumber makanan domestik dan tidak memberi keuntungan.[3] Namun menjelang tahun 1890-an, kelapa mula menjadi tanaman yang menguntungkan untuk ditanam disebabkan peningkatan penggunaan kelapa kering (kopra) sebagai bahan mentah dalam industri pembuatan dan makanan di Eropah untuk membuat lilin, sabun, marjerin, aising kek dan perasa makanan.[4]

Kepentingan kelapa sebagai bahan mentah untuk sektor perindustrian sehingga melonjakkan harga pasarannya telah menarik minat pemodal asing terutamanya pemodal Eropah untuk mengusahakan tanaman kelapa secara besar-besaran. Pemodal Eropah yang sebelum ini melabur dalam pertanian kopi mengambil langkah untuk beralih kepada tanaman kelapa setelah kejatuhan harga komoditi kopi di pasaran menjelang penghujung abad ke-19. Pada tahun 1898, harga kopi jatuh ke paras $20 sepikul berbanding $37.65 pada tahun sebelumnya.[5] Sehingga tahun 1899, harga kopi terus mengalami kejatuhan sehingga ke paras $15.50 sepikul menjadikannya harga terendah sejak tahun 1890. Justeru, mesyuarat yang diadakan oleh *Malay States Coffee Company* pada Mei 1898 menyarankan supaya para pemodal menggantikan tanaman kopi di estet mereka dengan tanaman kelapa bagi mengelakkan kerugian.[6] Pada masa yang sama, pemodal Eropah juga turut membuat permohonan mendapatkan tanah pertanian yang baharu untuk diusahakan dengan tanaman kelapa. Bagi pihak British, telah menjadi dasar ekonominya yang akan memberi perhatian khusus kepada setiap jenis tanaman yang dilihat mampu menyumbang kepada pendapatan ekonomi. Selain untuk memenuhi keperluan bekalan kelapa di negara induk, potensi tanaman kelapa dan minat yang ditunjukkan oleh pemodal asing menyebabkan usaha untuk mengkomersialkannya sebagai tanaman dagang mula diberi perhatian.

Berdasarkan penelitian yang dibuat, kajian mengenai tanaman kelapa masih belum diteroka secara mendalam walaupun ia juga merupakan tanaman komersial. Malah beberapa kajian yang sedia ada didapati tidak mengkhususkan kepada strategi pengkomersialan tanaman kelapa. Zulkanain Abdul Rahman dan Ahmad Kamal Ariffin yang membincangkan kegiatan penanaman kelapa di Perak

dan Selangor antara tahun 1900 hingga 1940 menunjukkan perkembangannya dipengaruhi oleh penglibatan pemodal asing terutamanya pemodal Eropah menerusi pembukaan tanah secara besar-besaran.[7] Pandangan yang sama turut dinyatakan oleh Zalikha Bahari yang mengaitkan penglibatan pemodal asing dan tempatan dengan perkembangan sektor penanaman kelapa di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB).[8] Sementara itu, Khairi Ariffin, Ramli Saadon dan Tuan Waheda Tuan Chik pula menunjukkan berlaku perkembangan kegiatan pertanian secara komersial termasuklah tanaman kelapa di Hilir Perak.[9] Keadaan ini dipengaruhi oleh pembukaan ladang kelapa secara besar-besaran oleh pemodal asing. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan kajian sedia ada mengaitkan perkembangan tanaman kelapa dengan penglibatan pemodal asing. Namun berbeza pula dengan Mohd Shazwan yang melihat peranan Jabatan Pertanian sebagai penyumbang kepada perkembangan kegiatan penanaman kelapa termasuklah teh dan kelapa sawit di Tanah Melayu.[10] Tidak dapat dinafikan bahawa pihak kerajaan telah memainkan peranan penting dalam membangunkan sektor pertanian termasuklah tanaman kelapa. Justeru bagi menjelaskan persoalan tersebut dengan lebih terperinci, artikel ini akan mengenal pasti strategi yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan sehingga mengubah corak perkembangan tanaman kelapa daripada tanaman makanan kepada sektor pertanian yang berorientasikan eksport.

Dasar Pembangunan Tanaman Kelapa

Perlaksanaan pentadbiran kolonial British di Selangor telah menjadi titik permulaan kepada perkembangan sektor pertanian termasuklah tanaman kelapa. Secara umumnya, dasar ekonomi British memberi penekanan kepada pembangunan sektor pertanian secara komersial.[11] Justeru pelbagai peraturan melibatkan hak pemilikan tanah, percukaian dan kemasukan tenaga buruh telah diperkenalkan untuk menarik kehadiran pemodal asing supaya melabur dalam sektor pertanian.[12] Hasilnya beberapa tanaman yang dibawa masuk dari luar seperti kopi, koko dan kemudiannya getah telah berjaya dikomersialkan penanamannya sehingga menjadikan Selangor antara pengeluar utama hasil tanaman tersebut untuk dieksport. Pada masa yang sama dasar yang diperkenalkan oleh pihak British turut mempengaruhi perkembangan tanaman asal di Tanah Melayu iaitu kelapa. Didapati terdapat strategi khusus untuk tanaman kelapa yang melibatkan aspek tadbir urus dan perundangan telah diperkenalkan bagi mengkomersialkan sektor penanaman kelapa.

Penubuhan dan Peranan Jabatan Kelapa

Apabila pihak British berjaya menguasai Selangor pada tahun 1874, sistem pentadbiran secara birokrasi mula diperkenalkan. Terdapat pelbagai jabatan dengan bidang kuasa tertentu telah dibentuk menjadikan pengurusannya lebih sistematik dan berkesan. Bagi tanaman kelapa, walaupun terdapat Jabatan Pertanian yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan sektor pertanian, pihak British telah mengambil langkah menubuhkan sebuah jabatan khusus iaitu Jabatan Kelapa Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1902.[13] L.C. Brown telah dilantik untuk mengetuai Jabatan Kelapa yang terletak di Institut Pertanian, Kuala Lumpur.[14] Sebagai *Inspector of Coconut Plantation*, Brown bertanggungjawab memantau hal-hal yang berkaitan dengan tanaman kelapa di NNMB seperti menangani masalah serangan haiwan dan serangga perosak, membuat lawatan ke ladang-ladang kelapa yang terdapat di NNMB dan melaporkan perkembangannya kepada Residen Jeneral.[15] Bagi memastikan kerja-kerja pemantauan lebih berkesan, pejabat *Inspector of Coconut Plantation* ditubuhkan di setiap negeri yang diketuai oleh *State Inspector* dan pejabat *sub-inspector* di peringkat daerah. Tugas utama *sub-inspector* ialah melakukan lawatan berkala ke ladang-ladang kelapa di setiap mukim untuk memastikan ladang berada dalam keadaan baik, tidak ditumbuhi semak

dan tidak diusahakan dengan tanaman lain terutamanya getah. Selain itu, *sub-inspector* juga perlu melaporkan perkembangan tanaman kelapa dari segi harga pasaran kelapa, masalah serangan serangga perosak dan sebagainya kepada Residen.[16] Di Selangor, pejabat *sub-inspector* telah ditubuhkan di Kuala Lumpur yang turut bertanggungjawab memantau kegiatan penanaman kelapa di Ulu Selangor dan Ulu Langat. Manakala bagi daerah Kuala Langat, Kuala Selangor dan Bernam pula diletakkan di bawah pemantauan *sub-inspector* di Klang. Namun pada tahun 1906, kerja-kerja pemantauan di daerah Bernam telah dipisahkan dan diletakkan di bawah pejabat *sub-inspector* di Kuala Selangor.[17]

Penubuhan Jabatan Kelapa telah menyumbang kepada perkembangan tanaman kelapa di Selangor. Menerusi pemantauan yang dibuat membolehkan jenis-jenis serangga perosak dikenal pasti seterusnya memudahkan lagi kakitangan Jabatan Kelapa untuk menjalankan kerja-kerja pembasmian. Langkah mengenal pasti jenis serangga perosak sangat penting kerana tidak semua serangga perosak menyerang bahagian yang sama. Misalnya serangga jenis *Artona Catoxantha Hamps* dan *Hidari Irava Moore* menyerang bahagian daun-daun kelapa manakala *Oryctes Rhinoceros Linn* dan *Rhyncophorus Sp* pula menyerang bahagian batang pokok. Selain itu, terdapat kaedah berbeza untuk menghapuskan setiap serangga yang menyerang tanaman kelapa. Bagi pokok kelapa yang diserang oleh *Oryctes Rhinoceros Linn*, para pengusaha disaran membakar batang pokok yang berkenaan untuk memastikan serangga tersebut dimusnahkan sepenuhnya.[18] Kaedah semburan racun pula digunakan untuk menghapuskan serangga jenis *Artona Catoxantha Hamps* selain membuang daun-daun yang telah diserang. Di Klang, serangan *Oryctes Rhinoceros Linn* berjaya diatasi dengan bantuan dan kerja-kerja pembasmian yang dilakukan oleh *sub-inspector*.[19] Selain menghapuskan serangga perosak, *sub-inspector* dan kakitanggannya turut mengenal pasti seterusnya memusnahkan tempat pembiakan serangga perosak.[20]

Kerja-kerja pemantauan juga dapat membantu pengusaha tanaman untuk menguruskan ladang mereka dengan lebih baik. Keadaan ladang yang ditumbuhi dengan semak berpotensi menjadi tempat pembiakan serangga perosak selain menjejaskan tumbesaran pokok kelapa. Terdapat laporan mengenai pengusaha tanaman kelapa di mukim Tanjong Karang dan Pasangan di Kuala Selangor yang tidak menjaga kawasan tanaman mereka dengan baik sehingga ditumbuhi lalang.[21] Justeru perlantikan *sub-inspector* telah memastikan pengusaha sentiasa membersihkan dan menjaga kawasan tanaman mereka dengan baik.[22] Hasilnya masalah serangga perosak yang dialami oleh pengusaha telah berjaya dikurangkan. Di samping itu, penubuhan Jabatan Kelapa telah membantu perkembangan tanaman kelapa dengan mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk diusahakan dengan tanaman tersebut. Pemantauan dan kajian mengenai kesesuaian tanah dilakukan sebelum tanah berkenaan dibuka untuk permohonan. Misalnya, pihak Jabatan Kelapa mendapati tanah di Kuala Selangor sangat sesuai untuk tanaman kelapa kerana kedudukannya di kawasan rendah dan dilitupi tanah jenis alluvium.[23] Justeru terdapat banyak tanah dibuka untuk diberi hak milik kepada pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tanaman kelapa. Keadaan ini menjadikan Kuala Selangor sebagai daerah yang berkembang pesat dengan kegiatan penanaman kelapa berbanding daerah-daerah lain di Selangor. Contohnya, pada tahun 1920 terdapat seluas 62,217 ekar tanah di Selangor yang ditanam dengan kelapa dan 31,614 ekar daripadanya terletak di daerah Kuala Selangor.[24]

Bagi menjayakan matlamat untuk mengkomersialkan tanaman kelapa, Jabatan Kelapa turut membuat penyelidikan untuk mendapatkan hasil pertanian yang berkualiti. Penyelidikan dibuat melibatkan benih kelapa, kaedah menanam, penyimpanan kelapa dan penghasilkan kelapa kering dan minyak kelapa yang baik. Kajian yang dibuat oleh Brown mendapati jarak antara pokok kelapa mempengaruhi tumbesarannya. Justeru pengusaha disarankan supaya menanam pokok kelapa dalam jarak 30 kaki × 30 kaki melibatkan 48 batang pokok kelapa bagi seekar tanah.[25] Manakala menerusi Stesen Eksperimen Kelapa di Klang, F.C. Cooke yang bertugas sebagai pembantu kimia di bahagian penyelidikan kelapa kering membuat penyelidikan kaedah menghasilkan kelapa kering

yang berkualiti dan tahan lama.[26] Langkah ini sangat penting untuk menjamin kualiti kelapa kering supaya tidak rosak apabila dieksport ke Eropah. Malah di stesen tersebut juga, pelbagai jenis tanaman kelapa diusahakan untuk mengenal pasti benih kelapa yang terbaik sebelum disarankan kepada para pengusaha tanaman kelapa.

Penguatkuasaan Enakmen Tanaman Kelapa

Kaedah perundangan turut digunakan oleh pihak British untuk mengkomersialkan tanaman kelapa. Pengenalannya memberi kuasa kepada pihak kerajaan untuk menguruskan hal-hal berkaitan penanaman kelapa melibatkan para pengusahanya. Di Selangor, pihak kerajaan telah menguatkuasakan *Coconut Trees Preservation Enactment* pada tahun 1897 yang bertujuan melindungi tanaman daripada serangan kumbang.[27] Langkah ini sangat penting kerana kumbang merupakan serangga perosak yang memberi ancaman besar kepada tanaman kelapa. Kegagalan untuk menanganinya bukan sahaja memberi kesan kepada pengusaha malah menjejaskan matlamat pihak kerajaan untuk menjadikan kelapa sebagai tanaman komersial. Kandungan utama enakmen tersebut menetapkan kewajipan pengusaha tanaman kelapa untuk memastikan kawasan tanaman mereka sentiasa berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada serangan serangga perosak. Berdasarkan Seksyen 2, sekiranya berlaku serangan kumbang, pemilik tanaman perlu membuat kerja-kerja pembersihan dalam tempoh sebulan.[28] Pada Oktober 1898, sebanyak 55 notis di bawah Seksyen 2 telah dikeluarkan kepada pengusaha tanaman di Klang supaya membasmi dan memusnahkan tanaman kelapa yang telah diserang kumbang. Didapati sebanyak 2,124 pokok kelapa yang diserang kumbang telah dirawat manakala 208 pokok lagi telah dimusnahkan.[29] Walaupun diarahkan untuk memusnahkan tanaman yang diserang, pemilik tanaman akan dibayar pampasan tidak melebihi $5 untuk setiap pokok dengan jumlah keseluruhan pampasan tidak melebihi $100 seorang.[30] Bayaran ini secara tidak langsung dapat membantu pengusaha untuk menanam semula pokok kelapa mereka.

Bagi membantu pemilik tanaman menghapuskan serangan kumbang dengan berkesan, terdapat garis panduan yang telah ditetapkan. Seksyen 3 menyatakan kaedah untuk menguruskan pokok yang telah mati akibat serangan kumbang seperti berikut:

> *It shall be the duty of the owner or person in charge of every coconut tree which is dead or is attacked beyond recovery by either of the beetles described in the schedule, forthwith to uproot such tree, and either to consumer it with fire or to bury it in the ground at a depth of not less than three feet, or to keep it completely submerged in water so that the beetle and all eggs and larva thereof may be totally destroyed and that the tree may not serve as a breeding place for any or either of the beetles in the schedule mentioned*.[31]

Sekiranya pemilik gagal untuk mematuhi ketetapan di dalam Seksyen 2 dan 3, Pemungut Hasil Tanah, Pegawai Daerah atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Residen boleh mengambil tindakan dengan mengenakan denda tidak melebihi $2 bagi setiap pokok.[32] Selain itu, denda tidak melebihi $25 akan dikenakan kepada pengusaha yang membiarkan kawasan tanaman kelapa mereka dalam keadaan tidak terurus, dipenuhi sampah, najis haiwan, sisa tanaman dan sebagainya yang berpotensi menjadi tempat pembiakan kumbang.[33] *Coconut Trees Preservation Enactment* turut menetapkan tugas Penghulu di setiap mukim untuk membuat pemeriksaan secara berkala di kawasan penanaman kelapa dan melaporkan kepada Pemungut Hasil Tanah, Pegawai Daerah atau mana-mana pegawai yang telah dilantik oleh Residen sekiranya terdapat serangan kumbang.[34] Penghulu juga bertanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja pembersihan dan pembasmian tanaman yang

diserang kumbang sebagaimana yang diarahkan pegawai berkenaan dilaksanakan oleh pemilik tanaman.

Pada Ogos 1917, pihak British memperkenalkan satu lagi enakmen federal[35] yang berkaitan kelapa iaitu *The Coconut Palms Preservation* bertujuan memelihara tanaman kelapa.[36] Enakmen tersebut menetapkan larangan kepada pemilik tanaman atau sesiapa sahaja daripada menebang pokok kelapa tanpa mendapatkan kelulusan secara bertulis daripada Pemungut Hasil atau pembantunya.[37] Peraturan ini dapat memastikan sesiapa sahaja yang diberi tanah untuk mengusahakan tanaman kelapa tidak beralih kepada tanaman lain seperti getah. Sekiranya terdapat individu menebang pokok kelapa tanpa kebenaran, denda tidak lebih $20 akan dikenakan bagi setiap pokok.[38] Justeru untuk menebang pokok kelapa perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu. Contohnya Timbalan Pesuruhjaya Polis memohon kebenaran untuk menebang dua pokok kelapa yang tumbuh di dalam kawasan Jabatan Trafik, Ibu Pejabat Polis Selangor sehingga menghalang laluan selain menyebabkan kerosakan pada bumbung tempat meletak kenderaan.[39] Di samping itu, Seksyen 5 menjelaskan kuasa yang diberikan kepada Pegawai Daerah atau mana-mana pegawai yang dilantik di bawah *The Agricultural Pest Enactment*, 1913 untuk memasuki kawasan tanaman kelapa untuk menjalankan pemeriksaan.[40]

Penetapan Status Tanah Kelapa

Penguatkuasaan peraturan penggunaan tanah pertanian di Selangor memperlihatkan kesungguhan pihak British untuk mengkomersialkan tanaman kelapa. Penglibatan pemodal asing mahupun penduduk tempatan dalam kegiatan penanaman kelapa secara berterusan dapat menjamin pengeluaran hasil kelapa secara besar-besaran untuk dieksport. Secara umumnya, pengstrukturan semula tadbir urus tanah menjadi agenda terawal yang diberi perhatian oleh pihak British setelah berjaya menguasai Selangor. Perubahan dibuat kerana undang-undang adat yang diamalkan oleh masyarakat tradisional tidak mempunyai ketetapan yang jelas berhubung pemilikan dan pembangunan tanah untuk pertanian. Merujuk kepada undang-undang adat, pemilikan tanah didasarkan kepada sesiapa yang meneroka, menebas, membersih dan mengusahakan tanah tersebut.[41] Sekiranya tanah yang telah diusahakan ditinggalkan, pemilik atau warisnya boleh menuntut semula hak milik tanah selagi terdapat tanaman yang masih hidup. Selain itu, tiada tanaman khusus yang perlu diusahakan sebagai syarat pemilikan tanah. Sebaliknya pemilik bebas mengusahakan pelbagai jenis tanaman yang dikehendaki di atas tanah yang telah diberi hak milik.

Pihak British melihat peraturan ini tidak menyumbang kepada perkembangan sektor pertanian secara komersial. Justeru perubahan dibuat dengan meletakkan tanah di bawah milik kerajaan dan perlu membuat permohonan untuk mendapatkan hak milik tanah. Pengenalan sistem birokrasi dan undang-undang tanah yang moden telah memudahkan proses pemilikan tanah melibatkan pemodal asing sekali gus menggalakkan lagi pengaliran modal dalam sektor pertanian termasuklah kelapa. Selain itu, bidang kuasa yang dimiliki turut digunakan untuk mengawal pembangunan dan penggunaan setiap tanah pertanian yang telah diberi hak milik. Keadaan ini membolehkan pihak British memastikan sektor pertanian dibangunkan secara besar-besaran dengan mengkhususkan kepada tanaman yang berpotensi untuk dikomersialkan seperti kelapa.

Bertepatan dengan matlamat untuk mengkomersialkan tanaman kelapa, pihak British mengambil langkah dengan membuat pengelasan status tanah yang diberi milik sebagai tanah kelapa.[42] Penggunaan takrifan ini bermaksud mana-mana tanah yang dikategorikan di bawah status tanah kelapa hendaklah diusahakan dengan tanaman kelapa sahaja. Penetapan ini bertujuan mengawal guna tanah yang telah diberi hak milik dengan mengkhususkan kepada penanaman kelapa selain dapat mengekalkan pelaburan yang telah dibuat oleh pemodal asing untuk jangka panjang. Oleh itu, setiap permohonan tanah untuk diusahakan dengan tanaman kelapa yang diluluskan oleh pihak kerajaan

akan dikelaskan sebagai tanah kelapa dan dinyatakan di dalam geran tanah. Tidak cukup dengan itu, pihak British memperketatkan lagi kawalan guna tanah dengan menetapkan syarat yang melarang pemilik tanah kelapa daripada mengusahakan tanaman lain terutamanya getah. Larangan yang dibuat sangat penting untuk mengelakkan pemilik tanah meninggalkan tanaman kelapa dan beralih kepada tanaman getah yang jauh lebih menguntungkan. Justeru ketetapan tersebut secara tidak langsung dapat mempelbagaikan lagi tanaman eksport di Selangor dan tidak hanya bergantung kepada tanaman getah semata-mata. Pada tahun 1925, J.M. Ferguson dan R.D. Gillett memohon tanah seluas 90 ekar di Mukim Ujong Permatang, Ulu Selangor untuk diusahakan dengan tanaman kelapa. Pihak kerajaan bersetuju meluluskan permohonan tersebut dengan bayaran premium $5 seekar dan sewa $1 seekar berserta dengan syarat larangan menanam pokok getah.[43]

Didapati syarikat Eropah yang telah terlibat dalam kegiatan penanaman kelapa secara besar-besaran turut tidak terlepas daripada syarat tersebut. Buktinya, *United Plantations Limited* yang memiliki ladang kelapa seluas 9,256 ekar telah dikenakan larangan menanam getah sebagai syarat untuk mendapatkan hak milik tanah yang baharu seluas 20 ekar di Mukim Sabak.[44] Begitu juga dengan orang Melayu yang sememangnya sinonim dengan tanaman kelapa turut terikat dengan pengelasan tanah kelapa dan larangan mengusahakan tanaman getah. Sebagai contoh, Haji Jemaat bersama-sama dengan 89 individu lain telah membuat permohonan mendapatkan tanah seluas 450 ekar untuk diusahakan dengan tanaman kelapa dan padi. Bagi tujuan penanaman kelapa, pihak kerajaan telah mengelaskannya sebagai tanah kelapa dan larangan menanam getah sebagai syarat pemilikan tanah.[45] Malah Che Kulop Abdul Rahman yang memohon tanah hanya dalam keluasan yang kecil iaitu satu setengah ekar di Mukim Sabak untuk menanam kelapa turut dikenakan larangan mengusahakan tanaman getah.[46]

Sekiranya pemilik tanah kelapa tidak mematuhi syarat yang telah ditetapkan, pihak kerajaan berhak untuk mengambil tindakan. Antaranya mengarahkan pemilik supaya memusnahkan tanaman selain pokok kelapa, mengenakan denda atau membatalkan hak milik tanah. Contohnya pada tahun 1920, pemilik tanah di Sabak Bernam telah didapati bersalah kerana mengusahakan tanaman getah di atas tanah yang diberi hak milik untuk tujuan penanaman kelapa. Justeru pihak kerajaan telah mengenakan denda sebanyak $50 dan mengarahkan pemilik supaya menanam semula pokok kelapa di atas tanah tersebut.[47] Sementara itu, pada tahun 1927, seramai 13 orang pengusaha Cina di Mukim Tanjung Karang telah melanggar syarat pemilikan tanah dengan menanam pokok getah. Kesemua mereka diarahkan supaya memusnahkan pokok-pokok getah yang telah ditanam dan kembali mengusahakan tanaman kelapa untuk mengelakkan tanah tersebut dirampas.[48]

Perkembangan Sektor Tanaman Kelapa

Strategi pengkomersialan tanaman kelapa yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan telah menyumbang kepada perkembangan sektor tersebut. Berdasarkan Rajah 1, jelas menunjukkan trend peningkatan pembukaan tanah pertanian di Selangor untuk diusahakan dengan tanaman kelapa antara tahun 1903 hingga 1938. Walaupun sejak berlakunya *rubber boom* pada awal abad ke-20 yang menyaksikan keghairahan pemodal untuk mengusahakan tanaman getah, namun kegiatan penanaman kelapa tetap menunjukkan peningkatan. Terdapat pemodal Eropah yang masih lagi bergiat secara aktif mengusahakan tanaman kelapa dengan mengemukakan permohonan mendapatkan tanah. Contohnya pada tahun 1911 Sir Robert Laidlaw memohon tanah seluas 1,000 ekar di Morib, Kuala Langat untuk diusahakan dengan tanaman kelapa.[49] Manakala pada tahun 1920, A.B. Carey berjaya mendapatkan hak pemilikan tanah seluas 1,950 ekar di Kuala Selangor.[50] Penglibatan pemodal Eropah ini dipengaruhi oleh harga pasaran kelapa yang memberangsangkan. Pada tahun 1914, harga kelapa kering di pasaran London sekitar £25 sebelum meningkat kepada £45 pada tahun 1917. Memasuki

tahun 1920, harganya mencecah sehingga £65.[51] Sementara itu harga pasaran kelapa kering di Singapura juga menunjukkan peningkatan. Pada tahun 1905, harga sepikul kelapa kering sekitar $7.70 sebelum meningkat kepada $13.00 menjelang tahun 1921 menjadikannya harga tertinggi sejak tahun 1905.[52] Dengan harga pasaran yang baik membolehkan pengusaha mendapatkan keuntungan kerana hasil kelapa dari Selangor khasnya dan Tanah Melayu umumnya berkualiti tinggi sehingga mendapat permintaan menggalakkan daripada pengusaha industri pembuatan dan makanan di Eropah.[53] Antara negara yang mengimport hasil kelapa dari Tanah Melayu ialah United Kingdom, Denmark, Perancis, Jerman, Itali, Norway, Amerika Syarikat dan Mesir.

Rajah 1: Keluasan Tanaman Kelapa di Selangor, 1903-1939



Sumber: *Annual Report of Inspector of Coconut Trees, 1903-1907*; *Selangor Administration Report, 1908-1931*; *Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1932-1938*; *Malayan Agricultural Statistics.*

Selain pertambahan kawasan penanaman kelapa, strategi mengkomersialkan tanaman kelapa oleh pihak kerajaan telah membawa perubahan kepada corak perkembangan sektor tersebut. Serentak dengan pertambahan kawasan penanaman kelapa telah membuka ruang kepada pertumbuhan industri memproses kelapa. Dengan keluasan kawasan tanaman kelapa yang terdapat di Selangor berupaya menghasilkan buah kelapa dalam kuantiti yang besar sekali gus menyediakan bekalan yang mencukupi bagi keperluan industri. Pada penghujung abad ke-19, sebuah kilang memproses kelapa telah dibina oleh H.C. Holmes di Kuala Selangor.[54] Kilang kelapa yang berkeluasan tiga ekar ini dilengkapi dengan mesin pemprosesan moden yang mampu memproses buah kelapa menjadi kelapa kering dan minyak kelapa dalam masa yang singkat sebelum dieksport. Penubuhan kilang ini telah memudahkan pengusaha tanaman kelapa untuk memasarkan hasil tanaman mereka. Hal ini demikian kerana pihak kilang bergantung sepenuhnya kepada bekalan dari pengusaha tanaman kelapa di Selangor dan negeri-negeri sekitarnya.[55] Penubuhan kilang ini menyebabkan sektor kelapa di Selangor tidak hanya tertumpu kepada eksport buah kelapa semata-mata tetapi turut mengeksport produk seperti kelapa kering dan minyak kelapa. Hasil daripada penyelidikan yang dibuat oleh Jabatan Kelapa menjadikan kelapa kering yang dihasilkan di Selangor berkualiti tinggi dan mendapat permintaan menggalakkan dari negara pengimport. Pada tahun 1900, jumlah eksport kelapa kering sekitar 2,081 pikul. Dalam tempoh 10 tahun berikutnya, jumlah eksport menunjukkan peningkatan sehingga 31,451 pikul. Peningkatan jumlah eksport tersebut menunjukkan penerimaan negara-negara pengimport terhadap kelapa kering yang dihasilkan di Selangor.

Sekitar zaman kemelesetan ekonomi dunia (1929-1935), sektor penanaman kelapa di Selangor terus berkembang pesat. Walaupun harga pasaran kelapa mengalami kemerosotan, namun keluasan tanaman kelapa menunjukkan pertambahan menerusi pembukaan tanah-tanah pertanian baharu. Para pengusaha masih lagi berminat untuk menanam kelapa dengan mengemukakan permohonan untuk mendapatkan tanah. Misalnya pada Mac 1932, Mr. F.W. Douglas memohon tanah seluas enam setengah ekar yang terletak di Klang untuk mengusahakan tanaman kelapa.[56] Selain pemodal Eropah, didapati terdapat banyak permohonan mendapatkan tanah telah dikemukakan oleh orang Melayu. Pihak British lebih menggalakkan orang Melayu untuk mengusahakan tanaman kelapa sebagai langkah untuk mengelakkan mereka terlibat dalam sektor getah.[57] Selain itu, pemberian hak milik tanah oleh pihak British disebakan kedudukan tanah yang berada dalam rizab khas untuk orang Melayu. Contohnya Sahbudin bin Ma'ripin diberi hak milik tanah seluas enam ekar di Ujong Permatang yang terletak dalam kawasan *Batu Enam Malay Reservation* untuk menanam kelapa. Tambahan pula beliau sememangnya bergiat aktif dalam kegiatan penanaman kelapa.[58] Pada April 1931, permohonan Raja Adnan bin Raja Basak untuk mendapatkan tanah seluas 10 ekar di Mukim Bandar, Kuala Langat telah diluluskan oleh pihak kerajaan.[59] Tanah yang berada dalam kawasan *Bandar Malay Reservation* tersebut sememangnya sesuai untuk tanaman kelapa.

Penglibatan orang Melayu dipengaruhi oleh peranan Jabatan Kelapa yang memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada mereka untuk terlibat dalam kerja-kerja penghasilan produk kelapa seperti kelapa kering. Galakan ini berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh F.C. Cooke selaku pembantu kimia untuk penyelidikan kelapa kering dan H.J. Simpson, pegawai pertanian yang mencadangkan supaya orang Melayu menceburi kegiatan pemprosesan kelapa.[60] Justeru Bahagian Penyelidikan Kopra telah membantu orang Melayu membina tanur dan memberi tunjuk ajar kepada mereka cara-cara untuk menghasilkan kelapa kering yang berkualiti tinggi dengan menggunakan kaedah yang paling ekonomik.[61] Orang Melayu yang terlibat diberikan latihan selama seminggu di Pusat Penyelidikan Kelapa di Klang selain dibawa melawat kilang memproses minyak kelapa dan kebun kelapa di sekitar Kuala Selangor.[62] Hasilnya, orang Melayu tidak hanya menjadi pembekal buah kelapa kepada pengusaha kilang malah turut terlibat secara langsung dalam industri kecil berasaskan kelapa. Misalnya di Kuala Selangor terdapat 140 buah tanur yang dimiliki oleh orang Melayu untuk menghasilkan kelapa kering.[63] Manakala di Kuala Langat pula, bilangan tanur yang dimiliki oleh orang Melayu menunjukkan pertambahan daripada 40 buah pada tahun 1932 kepada 80 buah menjelang tahun 1933.[64] Selain penghasilan kelapa kering, terdapat pemilik tanur yang mempelbagaikan lagi produk mereka dengan menghasilkan minyak kelapa dan gula kelapa. Misalnya pengusaha di Kuala Selangor, Kuala Langat dan Sabak Bernam terlibat dengan industri pembuatan minyak kelapa untuk dijual di pasaran tempatan.[65] Manakala pekebun kecil kelapa di Kapar dan Sementa pula menghasilkan gula kelapa.[66]

Kesimpulan

Perlaksanaan strategi pengkomersialan tanaman kelapa oleh pihak kerajaan menjelang penghujung abad ke-19 telah menyumbang kepada kemajuan sektor penanaman kelapa di Selangor. Penekanan terhadap aspek tadbir urus, penguatkuasaan undang-undang dan pemilikan tanah yang dikhususkan kepada tanaman kelapa membuktikan kesungguhan pihak kerajaan untuk membangunkan kegiatan penanaman kelapa sebagai pertanian komersial. Usaha tersebut merupakan jaminan daripada pihak kerajaan untuk memastikan kelapa menjadi tanaman yang menguntungkan untuk ditanam. Kesan daripada usaha yang dilaksanakan menyebabkan kegiatan yang pada awalnya didominasi oleh penduduk tempatan mula memperlihatkan penglibatan secara aktif pemodal-pemodal asing. Pembukaan tanah secara besar-besaran dan berterusan oleh pemodal asing mahupun penduduk

tempatan menyebabkan kawasan penanaman kelapa di Selangor menunjukkan pertambahan yang drastik. Keluasan tanaman kelapa ini secara tidak langsung menjadikannya antara tanaman komersial yang utama dan mempunyai nilai ekonomi. Menerusi usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan ternyata telah mengubah corak perkembangan tanaman kelapa di Selangor. Daripada kegiatan yang diusahakan oleh penduduk tempatan untuk memenuhi keperluan makanan di peringkat domestik, tanaman kelapa muncul sebagai sektor pertanian berorientasikan eksport yang memenuhi keperluan di pasaran antarabangsa. Pada masa yang sama, penghasilan kelapa dalam kuantiti yang besar telah menyediakan bekalan bahan mentah yang mencukupi untuk membolehkan sektor perindustrian berasaskan kelapa berkembang dengan pesat. Justeru berdasarkan perkembangan yang berlaku dalam tempoh sebelum tahun 1940, jelas menunjukkan peranan pihak kerajaan yang telah berjaya mengkomersialkan tanaman tradisional penduduk tempatan iaitu kelapa sehingga menjadi komoditi eksport yang berkualiti tinggi dan mendapat permintaan menggalakkan dari negara-negara pengimport.

Nota

[1] R.D. Hill, *Rice in Malaya*, Singapore, NUS Press, 2012, hlm. 49

[2] Amarjit Kaur, "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah", dalam Adnan Haji Nawang (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah, 1992.

[3] Keadaan yang sama dilihat berlaku di Indonesia di mana pemodal Eropah melihat tanaman kelapa tidak memberi keuntungan. Christiaan G. Heersink, "Selayar and the Green Gold: The Development of the Coconut Trade on an Indonesian Island (1820-1950), *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 25, No. 1, March 1994, hlm. 47.

[4] K. Snodgrass, *Copra and Coconut Oil*, California: Stanford University Press, 1928, hlm. 7.

[5] V. Selvaratnam, 1960. 'A History of Western Enterprises in the State of Selangor, 1874-1895', Latihan Ilmiah, University of Malaya, Singapore.

[6] *Singapore Free Press*, 9 June 1898.

[7] Zulkanain Abdul Rahman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, "Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor, 1900-1940", dalam Zulkanain Abdul Rahman (eds.), *Dastar Pendeta*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 2012.

[8] Zalikha Bahari. "Reaksi dan Kesan Terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1902-1941", *Journal of Human Development and Communication*, No. 5, 2016, hlm. 141-162.

[9] Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Tuan Waheda Tuan Chik, "Perladangan Komersial Di Daerah Hilir Perak Pada Era Kolonial British 1900-1957", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46, No. 1, 2019, hlm. 58-78.

[10] Mohd Shazwan Mokhtar, "Peranan Jabatan Pertanian dan Diversiti Pertanian Kolonial Di Tanah Melayu, 1920-1938", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 49, No. 3, 2022, hlm. 1-26.

[11] J.S. Sidhu, *Administration in the Federated Malay States, 1896-1920*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1980, hlm. 6.

[12] Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1977, hlm. 12-13.

[13] L.C. Brown, "Coconut Cultivation", dalam Arnold Wright, *Twentieth Century Impression of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries and Resources*, London, Lloyd's Greater Britain Publishing Company Ltd., 1908, hlm. 503-504.

[14] Selangor Secretariat File 4057/1902, Federal Inspector under the Coconut Tree Preservation Enactment 1898: Appointment of Mr. L.C. Brown, 10 September 1902; Rimba, *Bygone Selangor: A Souvenir*, Kuala Lumpur: Charles Grenier, 1922, hlm. 42.

[15] Zulkanain Abdul Rahman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, "Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor, 1900-1940", dalam Zulkanain Abdul Rahman (eds.), *Dastar Pendeta*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 2012, hlm. 474.

[16] Zulkanain Abdul Rahman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, "Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor, 1900-1940", dalam Zulkanain Abdul Rahman (eds.), *Dastar Pendeta*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 2012, hlm. 475.

[17] *Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1903*, hlm. 1.

[18] Untuk maklumat lanjut mengenai kawalan dan pembasmian serangga perosak, rujuk Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli, "Strategi Pengawalan Serangga Perosak Dalam Sektor Penanaman Kelapa Di Selangor, 1874-1940" *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 49, No. 1, April 2022, hlm. 44-64.

[19] Selangor Secretariat File 3096/1902, Asks that the Government Inspector of Coconut to be sent to Klang District; Selangor Government Gazette, 1905 Supplement Report on Klang District 1904.

[20] *Report of the Inspector of Coconut Trees*, Department of Agriculture for the year 1907, hlm. 20.

[21] *Report of the Inspector of Coconut Trees*, Department of Agriculture for the year 1907, hlm. 19.

[22] *Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1906*, hlm. 3.

[23] *Report of Inspector of Coconut Trees for the year 1903*, hlm. 2.

[24] *Selangor Administration Report for the year 1920*, hlm. Appendix B.

[25] L.C. Brown, "Coconut Cultivation in the Federated Malay States", *Bulletin No. 11*, Kuala Lumpur, Federated Malay States, 1911, hlm. 3.

[26] F.C. Cooke, *Copra Research: Annual Report for the year 1933*, hlm. 28-32; F.C. Cooke, *Investigation on Coconuts and Coconut Products*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, 1932, hlm. 73-78.

[27] *Coconut Trees Preservation Enactment, 1897*.

[28] Ibid., Seksyen 2.

[29] Selangor Secretariat File 3014/1898, Coconut Trees Preservation Enactment 1898, Enquires as to the Enforcement of the provision of the: List of owner and numbers of coconut trees felled and burnt in the Klang Mukim during the month of July 1898.

[30] *Coconut Trees Preservation Enactment, 1897*, Seksyen 7.

[31] Ibid., Seksyen 3.

[32] Ibid., Seksyen 5.

[33] Ibid., Seksyen 6.

[34] Ibid., Seksyen 4.

[35] Enakmen federal bermaksud enakmen yang dikuatkuasakan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

[36] *Enactment No. 17 of 1917, The Coconut Palms Preservation*.

[37] Ibid., Seksyen 2.

[38] Ibid., Seksyen 3.

[39] Selangor Secretariat File 1077/1929, Permission to remove two coconut trees from the Marshalling Yard for Traffic Department at Selangor Police Headquarters, High Street, Kuala Lumpur.

[40] *Enactment No. 17 of 1917, The Coconut Palms Preservation*, Seksyen 5.

[41] Ahmad Nazri Abdullah, *Melayu dan Tanah*. Petaling Jaya, Media Intelek Sdn. Bhd., 1985, hlm. 3.

[42] Selain tanah kelapa, pihak British turut memperkenalkan tanah padi dan tanah getah. Secara umumnya, penepatan status tanah ini dikuatkuasakan mula tahun 1920-an. Berdasarkan pemerhatian, didapati pengkelasan tanah hanya melibatkan ketiga-tiga tanaman tersebut. Penetapan status tanah padi bertujuan mengekalkan orang Melayu dalam sektor penanaman padi seterusnya menjamin keperluan makanan. Manakala penetapan tanah getah untuk memastikan pemilik tanah mengusahakan tanah dengan tanaman getah bagi menjamin kelangsungannya sebagai tanaman komersial yang utama.

[43] Selangor Secretariat File 984/1925, Land 90 acres, Ujong Permatang Mukim for coconut cultivation. Captain J.M. Ferguson and Messrs F.W.B. Sergent and R.D. Gillett.

[44] Selangor Secretariat File 3757/1923, United Plantation Limited: Application for 20 acres of land in the Mukim of Sabak for coconut plantations.

[45] Selangor Secretariat File 4637/1926, Application by Haji Jemaat bin Haji Aris and 89 others for 450 acres of State Land in Mukim Tanjong Karang for padi and coconut cultivation.

[46] Selangor Secretariat File 323/1930, Application by Che Kulop Abdul Rahman bin Salleh for about 1 ½ acres of land in Sabak Mukim for coconut cultivation.

[47] Selangor Secretariat File 479/1920, Planting of rubber in land alienated for coconut planting, petition against notice to pay penalty $50.

[48] Selangor Secretariat File 234/1927, Application on behalf of 13 land owner of Tanjung Karang Mukim for permission to plant rubber instead of coconuts and coffee on their land.

[49] Selangor Secretariat File 2461/1911, Application by Sir Robert Laidlaw for 1,000 acres of land for coconut cultivation at Morib.

[50] Selangor Secretariat File 3081/1920, Application by Mr. A.B. Carey for 1,950 acres of land of coconut cultivation in Kuala Selangor district.

[51] Lim Tech Ghee. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1977, hlm. 197.

[52] Malayan Agricultural Journal, 1921; *Annual Report on the Department of Agriculture Straits Settlements and Federated Malay States, 1924*, hlm. 5.

[53] Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina merupakan negara pengeksport utama kelapa di pasaran antarabangsa. Christiaan G. Heersink. 1994. "Selayar and the Green Gold: The Development of the Coconut Trade on an Indonesian Island (1820-1950), *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 25, No. 1, hlm. 48.

[54] *Selangor Annual Report, 1986*, hlm. 7; *Selangor Government Gazette, 1898*, hlm. 3.

[55] *Annual Report Federated Malay States, 1898*, hlm. 5.

[56] Selangor Secretariat File 53/1932, Application from Mr. F.W. Douglas for about 6 ½ acres of land in the mukim of Klang for planting of coconut and other fruit trees.

[57] Lim Tech Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1977, hlm. 155.

[58] Selangor Secretariat File 381/1930, Application from Sahbudin bin Ma'ripin for 6.750 acres of land in Ujong Permatang mukim for coconuts plantation.

[59] Selangor Secretariat File 137/1931 Application from Raja Adnan bin Raja Basak for 10 acres of State Land in the Mukim of Bandar for planting of coconut and nipah.

[60] Selangor Secretariat File 1281/32, Copra Production of the Malay Smallholder.

[61] F.C. Cooke, *Investigations on Coconuts and Coconuts Products*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office,1923, hlm. 72.

[62] *Annual Report Copra Research for the year 1933*, hlm. 31.

[63] *Selangor Administration Report for the year 1931*, hlm. 13.

[64] *Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor for the year 1933*, hlm. 70.

[65] Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1932, hlm. 18; Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor for the year 1933, hlm. 72.

[66] Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1936, hlm. 36.

Rujukan

Ahmad Nazri Abdullah. 1985. *Melayu dan Tanah*. Petaling Jaya: Media Intelek Sdn. Bhd.

Amarjit Kaur. 1992. "Perkembangan Ekonomi Selangor: Suatu Tinjauan Sejarah", dalam Adnan Haji Nawang (ed.), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Lembaga Muzium Sultan Alam Shah.

Annual Report Copra Research for the year 1933.

Annual Report Federated Malay States, 1898.

Annual Report of Inspector of Coconut Trees, 1903.

Annual Report of Inspector of Coconut Trees, 1904.

Annual Report of Inspector of Coconut Trees, 1905.

Annual Report of Inspector of Coconut Trees, 1906.

Annual Report of Inspector of Coconut Trees, 1907.

Annual Report of the Agriculture Field Officer Selangor for the year 1933.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1932.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1933.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1934.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1935.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1936.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1937.

Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Selangor, 1938.

Annual Report on the Department of Agriculture Straits Settlements and Federated Malay States, 1924.

Brown, L.C. 1908. "Coconut Cultivation", dalam Arnold Wright. *Twentieth Century Impression of British Malaya: Its History, People, Commerce, Industries and Resources.* London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company Ltd.

_____ "Coconut Cultivation in the Federated Malay States". *Bulletin No. 11*. Kuala Lumpur: Federated Malay States.

Coconut Trees Preservation Enactment, 1897.

Cooke, F.C. 1933. *Copra Research: Annual Report.*

_____. 1932. *Investigation on Coconuts and Coconut Products.* Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office.

Enactment No. 17 of 1917. The Coconut Palms Preservation.

Ghee, Lim Teck.1977. *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874-1941.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Heersink, G. Christiaan. "Selayar and the Green Gold: The Development of the Coconut Trade on an Indonesian Island (1820-1950). *Journal of Southeast Asian Studies.* Vol. 25, No. 1: 47-69.

Hill, R.D. 2012. *Rice in Malaya.* Singapore: NUS Press.

Khairi Ariffin, Ramli Saadon & Tuan Waheda Tuan Chik. 2019. "Perladangan Komersial Di Daerah Hilir Perak Pada Era Kolonial British 1900-1957", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies.* Vol. 46, No. 1: 58-78.

Malayan Agricultural Journal. 1921.

Malayan Agricultural Statistics.

Mohd Shazwan Mokhtar. 2022. "Peranan Jabatan Pertanian dan Diversiti Pertanian Kolonial Di Tanah Melayu, 1920-1938", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 49, No. 3: 1-26.

Mohamad Khairul Anuar Mohd Rosli. 2022. "Strategi Pengawalan Serangga Perosak Dalam Sektor Penanaman Kelapa Di Selangor, 1874-1940" *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies.* Vol. 49, No. 1: 44-64.

Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1903.

Report of the Inspector of Coconut Plantations for the year 1906.

Report of the Inspector of Coconut Trees. Department of Agriculture for the year 1907.

Rimba. 1922. *Bygone Selangor: A Souvenir.* Kuala Lumpur: Charles Grenier.

Selangor Administration Report, 1908.

Selangor Administration Report, 1909.

Selangor Administration Report, 1910.

Selangor Administration Report, 1911.

Selangor Administration Report, 1912.

Selangor Administration Report, 1913.

Selangor Administration Report, 1914.

Selangor Administration Report, 1915.

Selangor Administration Report, 1916.

Selangor Administration Report, 1917.

Selangor Administration Report, 1918.

Selangor Administration Report, 1919.

Selangor Administration Report, 1920.

Selangor Administration Report, 1921.

Selangor Administration Report, 1922.

Selangor Administration Report, 1923.

Selangor Administration Report, 1924.

Selangor Administration Report, 1925.

Selangor Administration Report, 1926.

Selangor Administration Report, 1927.

Selangor Administration Report, 1928.

Selangor Administration Report, 1929.

Selangor Administration Report, 1930.

Selangor Administration Report, 1931.

Selangor Annual Report, 1986.

Selangor Government Gazette, 1898.

Selangor Secretariat File 53/1932. Application from Mr. F.W. Douglas for about 6 ½ acres of land in the mukim of Klang for planting of coconut and other fruit trees.

Selangor Secretariat File 137/1931. Application from Raja Adnan bin Raja Basak for 10 acres of State Land in the Mukim of Bandar for planting of coconut and nipah.

Selangor Secretariat File 234/1927. Application on behalf of 13 land owner of Tanjung Karang Mukim for permission to plant rubber instead of coconuts and coffee on their land.

Selangor Secretariat File 323/1930. Application by Che Kulop Abdul Rahman bin Salleh for about 1 ½ acres of land in Sabak Mukim for coconut cultivation.

Selangor Secretariat File 381/1930. Application from Sahbudin bin Ma'ripin for 6.750 acres of land in Ujong Permatang mukim for coconuts plantation.

Selangor Secretariat File 479/1920. Planting of rubber in land alienated for coconut planting, petition against notice to pay penalty $50.

Selangor Secretariat File 984/1925. Land 90 acres, Ujong Permatang Mukim for coconut cultivation. Captain J.M. Ferguson and Messrs F.W.B. Sergent and R.D. Gillett.

Selangor Secretariat File 1077/1929. Permission to remove two coconut trees from the Marshalling Yard for Traffic Department at Selangor Police Headquarters, High Street, Kuala Lumpur.

Selangor Secretariat File 1281/32. Copra Production of the Malay Smallholder.

Selangor Secretariat File 2461/1911. Application by Sir Robert Laidlaw for 1,000 acres of land for coconut cultivation at Morib.

Selangor Secretariat File 3014/1898. Coconut Trees Preservation Enactment 1898, Enquires as to the Enforcement of the provision of the: List of owner and numbers of coconut trees felled and burnt in the Klang Mukim during the month of July 1898.

Selangor Secretariat File 3081/1920. Application by Mr. A.B. Carey for 1,950 acres of land of coconut cultivation in Kuala Selangor district.

Selangor Secretariat File 3096/1902. Asks that the Government Inspector of Coconut to be sent to Klang Distric: Selangor Government Gazette, 1905 Supplement Report on Klang District 1904.

Selangor Secretariat File 3757/1923. United Plantation Limited: Application for 20 acres of land in the Mukim of Sabak for coconut plantations.

Selangor Secretariat File 4057/1902. Federal Inspector under the Coconut Tree Preservation Enactment 1898: Appointment of Mr. L.C. Brown. 10 September 1902.

Selangor Secretariat File 4637/1926. Application by Haji Jemaat bin Haji Aris and 89 others for 450 acres of State Land in Mukim Tanjong Karang for padi and coconut cultivation.

Selvaratnam, V. 1960. 'A History of Western Enterprises in the State of Selangor, 1874-1895', Latihan Ilmiah, University of Malaya, Singapore. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Singapore Free Press. 9 June 1898.

Snodgrass, K. 1928. *Copra and Coconut Oil.* California: Stanford University Press.

Zalikha Bahari. 2016. "Reaksi dan Kesan Terhadap Perkembangan Industri Kelapa di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), 1902-1941". *Journal of Human Development and Communication*, No. 5: 141-162.

Zulkanain Abdul Rahman & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2012. "Penanaman Kelapa di Perak dan Selangor. 1900-1940", dalam Zulkanain Abdul Rahman (eds.), *Dastar Pendeta.* Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya.